



SEBUAH rumah yang dilanda tanah runtuh akibat banjir kilat di PPRT Sungai Sia, Raub, Pahang, kelmarin.

45 rumah dilanda banjir kilat

RAUB 25 April - Sebanyak 45 buah rumah di Mukim Batu Talam di sini, ditenggelami air ekoran banjir kilat yang melanda kawasan itu pagi semalam.

Banjir yang berlaku kira-kira pukul 5 pagi itu turut mengakibatkan sebuah rumah penduduk kampung ditimbus tanah runtuh.

Penghulu Mukim Batu Talam, Shukor Jamaluddin berkata, banjir kilat yang berlaku kali ini melibatkan dua kawasan utama iaitu Kampung Orang Asli Pos Satok dan juga Tersang selain kampung-kampung berhampiran.

Katanya, sebanyak 26 buah rumah terjejas di Kampung Orang Asli Satok dan sebanyak 12 buah rumah lagi di Tersang manakala selebihnya rumah di kawasan kampung-kampung berhampiran.

“Kejadian itu merupakan sesuatu yang di luar jangkaan kerana kawasan yang terjejas belum pernah terlibat dengan banjir kilat.

“Bagaimanapun, kita bersyukur kerana tiada nyawa yang terkorban dan air surut dengan cepat,” katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya, mereka yang terlibat telah menerima bantuan sewajarnya termasuk daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri.

Dalam pada itu, Zamzuri Mat Yusuf, 43, yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Sia, di sini berkata, kejadian berkenaan turut menyebabkan sebahagian rumahnya ditimbus tanah runtuh.

“Saya hanya sempat menyelamatkan diri bersama isteri dan tiga orang anak sebaik sahaja mendengar bunyi runtuh tanah yang kuat.

“Walaupun tidak sempat menyelamatkan barang-barang termasuk pakaian, saya bersyukur kerana kami sekeluarga terselamat,” katanya.